

CNS9699

U GB 31-12 00196 BH827

bah

Mahathir-Tahun Baru (EMBARGO: Untuk Siaran selepas pukul 10 malam ini)
EKONOMI NEGARA AKAN MEROSOT JIKA PENGURUS MINTA GAJI BERLEBIHAN

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Ekonomi negara akan merosot seperti yang dialami Amerika Syarikat jika para pengurus syarikat gergasi tamak dan meminta jumlah upah yang terlalu tinggi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata trend pengurus menuntut gaji dan faedah yang amat tinggi setelah mencatat keuntungan yang besar seperti di Barat sudah mula menyerapi negara ini.

"Di Malaysia juga sudah terserap falsafah ini. Pengurus menuntut gaji dan faedah yang semakin tinggi. Sudah ada yang meminta dibayar jumlah upahan berbagai-bagai bentuk bernilai hampir dua juta ringgit setahun," katanya dalam perutusan sempena tahun baru 1994 melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Dr Mahathir berkata: "Sebenarnya pengurus-pengurus yang tamak seperti inilah yang menyebabkan syarikat-syarikat gergasi di Amerika Syarikat gagal dan bankrap, dan ekonomi Amerika merosot."

"Mereka terlalu mengutamakan keuntungan cepat bagi syarikat mereka sehingga tidak ada pelaburan untuk pembesaran perniagaan dan usaha penyelidikan dan pembangunan atau "R & D". Dengan itu mereka menjadi tidak kompetitif dalam pasaran," kata beliau. -- Lagi.

▼31/12/16-50MST

U GB 31-12 00134 BH828

bah

Mahathir-Tahun Baru 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata nasib yang malang itu akan menimpa syarikat-syarikat di negara ini jika pengurus dan pengarah urusan menuntut gaji yang terlalu tinggi.

"Kita bernasib baik kerana kita masih terus maju. Dan kita akan terus maju jika kita berhati-hati, bersikap sederhana dan tidak tamak," kata Dr Mahathir.

Tidak ada sesiapa yang begitu penting sehingga seseorang itu tidak perlu kepada orang lain, katanya.

"Di Malaysia kita mempunyai falsafah yang tersendiri... Kita percaya semua pihak daripada pekerja kasar hingga kepada pengusaha, pemodal, ahli politik dan pengurus mempunyai peranan," katanya.

Perdana Menteri berkata semua pihak perlu dinilai dan dihargai secara adil dan saksama kerana walaupun peranan mereka tidak sama tetapi mereka semua tetap menyumbang kepada kemajuan negara. -- lagi.

▼31/12/17-02MST

CNS9747

U GB 31-12 00194 BH832

bah

Mahathir-Tahun Baru 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir juga berkata negara boleh berbangga dengan apa yang ditunjukkan oleh polis, tentera, bomba dan badan-badan sukarela serta orang awam dalam usaha untuk menyelamatkan mangsa tragedi itu.

Katanya, kerajaan juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat termasuk pasukan penyelamat dari Jepun, Singapura dan Perancis.

Mengenai tahun baru, beliau berkata, rakyat perlu insaf dan bersyukur kerana negara ini bukan sahaja dijauhi daripada penderitaan akibat peperangan atau persengketaan kaum atau perang saudara tetapi juga dikurniakan kemakmuran dan kemajuan yang berterusan.

Katanya, keadaan aman, stabil, tenteram dan makmur serta kemajuan yang dinikmati sekarang bukan wujud secara kebetulan atau datang bergolek tetapi sebahagian besarnya adalah hasil usaha gigih dan kerjasama semua pihak -- rakyat, kerajaan, pekerja dan pengusaha.

Dr Mahathir berkata, penggembelangan usaha semua golongan telah membolehkan Malaysia mencapai prestasi yang terus menggalakkan di semua bidang sepanjang tahun 1993.

"Dalam tahun-tahun yang akan datang kita akan menghadapi lebih banyak cabaran. Sebagai bangsa yang ingin maju, yang ingin dihormati, kita mesti menerima hakikat ini dan menyediakan diri kita," kata Perdana Menteri. -- Bernama.

MGM AZ.

U GB 31-12 00153 BH831

bah

Mahathir-Tahun Baru 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Bagaimanapun katanya, anggota masyarakat tidak boleh berharap kepada masyarakat atau kerajaan untuk menyediakan semua kemudahan seperti yang dijanjikan oleh negara kebajikan ala Barat.

Tetapi ini tidak bermakna negara kebajikan tidak boleh diwujudkan sama sekali kerana masyarakat yang mempunyai sifat penyayang dan sanggup menghulur derma dan bantuan dengan rela hati akan mengurangkan beban golongan yang tidak bernasib baik, katanya.

"Jika kita ingin tahu sama ada sifat-sifat penyayang ada pada rakyat Malaysia, reaksi mereka terhadap tragedi (Kondominium Highland Towers) baru-baru ini bolehlah dijadikan bukti," katanya.

Sambil menyatakan simpatinya kepada keluarga mangsa tragedi itu, beliau berkata, negara melaksanakan tindakan susulan daripada persitiwa itu dengan mengambil berbagai-bagai keputusan dan tindakan yang boleh membantu mengelakkan tragedi seperti itu daripada berulang.

"Tetapi hendaklah kita elak daripada sikap yang keterlaluan terhadap bangunan tinggi atau kemudahan moden yang lain," katanya. -- Lagi.

▼31/12/17-34MST